

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
MELALUI RADIO SABAH
PADA 20 JULAI 1967

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Ini kali yang pertama saya telah melawat ke Sabah selepas diadakan pilihanraya Dewan Undangan Sabah. Saya sangatlah bersukacita dapat peluang bercakap kepada tuan-tuan dan puan-puan penduduk negeri Sabah pada petang ini dan saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan di atas kejayaan pilihanraya itu dan tuan-tuan dan puan-puan telah menunjukkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan rakyat Sabah boleh menggunakan kuasa menurut cara demokrasi yang kita amalkan di sini dengan baik dan dengan tenteram. Patutlah kita bersama-sama bersyukur dan bermegah-megah di atas kejayaan pilihanraya yang pertama kali diadakan di Sabah ini.

Sekarang telah dua bulan lamanya semenjak pilihanraya telah tamat dan sepatutnya segala percakapan-percakapan dan tuduhan-tuduhan yang berlaku pada masa diadakan pilihanraya itu dihentikan dan pihak Kerajaan yang dipilih serta rakyat seterusnya termasuklah pihak Pembangkang bersama-sama menghadapi tugasnya yang dihadapi oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian iaitu mentadbirkan negeri ini dan melaksanakan janji-janji yang dibuat dalam pilihanraya itu. Akan tetapi saya berdukacita melihatkan bahawa keadaan siasah di Sabah ini tidaklah begitu tenang. Ini adalah mendukacitakan kita kerana selepas rakyat telah membuat keputusan dalam pilihanraya rakyat berkehendakkan kemajuan-kemajuan dan dengan sebab-sebab itu mustahaklah semua pihak termasuklah pihak pembangkang memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk menjamin kemajuan di negeri ini dalam lapangan iktisad dan sosial akan dapat diteruskan.

Adalah menjadi tanggungjawab kepada parti yang tidak dapat menubuhkan Kerajaan iaitu parti U P K O yang telah keluar daripada Sabah Alliance dan menjadi Parti Pembangkang. Mereka telah menjalankan tugasnya sebagai parti pembangkang menurut Perlembagaan Negara kita dan hendaklah mereka itu mengetahui tanggungjawab mereka itu yang sebenarnya kepada rakyat Sabah. Dalam negara yang berdasarkan demokrasi seperti Malaysia ini, parti pembangkang adalah pihak mengkritik dan mencaci dasar yang dijalankan oleh Parti Kerajaan. Akan tetapi pandangan dan tentangan itu mustahaklah dengan tujuan yang membina atau '*constructive*'. Saya sangatlah berdukacita iaitu menurut ucapan-ucapan yang saya baca yang diperbuat oleh ahli-ahli pihak pembangkang mereka itu bukan bertujuan hendak membina dan tidak adil dan tidak patut dengan tuduhan-tuduhan yang diperbuat oleh mereka itu dan lagi bukan sahaja tuduhan-tuduhan terhadap Kerajaan Negeri Sabah itu bahkan dihadapkan pula kepada Kerajaan Pusat. Saya dapati mulai daripada bulan yang lalu, pihak pembangkang iaitu pihak U P K O di sini telah menjalankan kempen

menuduh bahawa Kerajaan Pusat tidak menunaikan janji-janji yang diperbuai pada masa Sabah masuk Malaysia. Baru-baru ini ahli pihak pembangkang daripada Sabah di dalam Dewan Rakyat dan juga dalam ucapan-ucapan yang dibuat di Sabah ini telah menuduh dengan tujuan hendak merendah dan menjatuhkan kedudukan Kerajaan Pusat di sisi rakyat negeri Sabah dan menyatakan bahawa Kerajaan Pusat mensifatkan negeri Sabah dan Sarawak sebagai '*neo-colonialist*'. Ini adalah bertentangan dengan semangat dan juga butir-butir yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia dan lagi Kerajaan Pusat telah tidak menepati janji-janji dan mengubah syarat-syarat perlindungan bagi rakyat Sabah dalam Perlembagaan. Parti ini telah membuat tuduhan-tuduhan dengan tujuan hendak menahan daripada timbulnya semangat taat setia dan perpaduan yang baik di antara rakyat Malaysia daripada semua bangsa dan daripada semua daerah dan perbuatan ini adalah bertujuan hendak menarik taat setia rakyat kepada negara kita Malaysia.

Oleh itu saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memikirkan perkara-perkara ini dengan sehalus-halusnya dan menandang akan perkara-perkara yang sebenar berlaku, memandangkan akan kemajuan yang telah tercapai oleh Sabah semenjak Sabah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia pada tahun 1963. Sungguhpun kita terpaksa menghadapi beberapa kesusahan timbul daripada konfrantasi yang didatangkan oleh pemerintah Indonesia yang dahulu. Tidak sesiapa dapat menafikan bahawa kemajuan yang dicapai oleh Sabah semenjak masuk Malaysia adalah besar dan banyak.

Saya ialah seorang bukan sahaja mengambil bahagian dalam perundingan menubuhkan Malaysia dahulu bahkan saya mewakili Kerajaan Pusat dalam perundingan-perundingan itu dan saya bolehlah memberi akuan dengan tugasnya kepada rakyat Sabah bahawa Kerajaan Pusat pada masa itu telah cuba dengan seberapa bolehnya menerima kehendak-kehendak rakyat Sabah dan juga menerima pertolongan-pertolongan yang dikehendaki oleh mereka dalam beberapa lapangan bahkan Sabah dan Sarawak telah diberi kuasa-kuasa lebih daripada negeri-negeri yang lain dalam Malaysia dan Kerajaan Pusat adalah sebenar-benarnya bertimbang rasa dan bermurah hati kepada Sabah dan Sarawak kerana Kerajaan Pusat sebenar-benarnya berazam hendak menolong rakyat Sabah dan Sarawak supaya dapat bersama-sama dalam Malaysia dan mencapai kemerdekaan melalui Malaysia. Kerajaan Pusat telah berfikir bahawa tidak ada jalan yang lain bagi keselamatan rakyat Sabah dan Sarawak pada masa yang akan datang melainkan bersama-sama dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia Barat dan bersatu menjadi satu negara yang merdeka dan berdaulat. Oleh itu apa-apa tuduhan yang dibuat oleh pihak Parti Pembangkang terhadap Kerajaan Pusat adalah sangat tidak patut dan sangat tidak adil terutama sekali Ketua U P K O yang ada sekarang ini kerana beliau adalah menjadi ketua rombongan Kerajaan Sabah pada masa itu dalam perundingan Malaysia. Wakil-wakil Sabah pada masa itu telah bersetuju dengan syarat-syarat yang sekarang terkandung dalam Perlembagaan kita dan mereka telah memberitahu saya bahawa mereka sangat berpuas hati dengannya. Dalam perundingan menubuhkan Malaysia dahulu Kerajaan Pusat pada masa itu adalah sangat bertimbang rasa dengan perasaan dan kehendak rakyat Sabah. Sekarang setelah empat tahun Penyata Jawatankuasa

Antara Kerajaan dipersetujui dan diisytiharkan dan setelah Malaysia ditubuhkan dengan tidak disangka-sangka kita dengan tuduhan-tuduhan daripada Parti Pembangkang di Sabah yang Kerajaan Pusat tidak menunaikan janji-janji mereka itu dan Kerajaan Pusat adalah bertujuan hendak mengambil hak-hak negeri Sabah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, saya tidaklah hendak memberikan contoh-contoh yang banyak untuk menguatkan penerangan-penerangan yang saya beri ini akan tetapi tuan-tuan dan puan-puan tentu mengetahui rakyat Sabah dan rakyat seluruh Malaysia mengetahui bahawa Sabah telah membuat dan mencapai kemajuan-kemajuan yang pesat dan semenjak Sabah masuk Malaysia dan keputusan pilihanraya yang baharu ini telah menunjukkan dengan terangnya bahawa rakyat Sabah telah menerima Malaysia dan bersetuju hendak kekal dalam Malaysia bagi selama-lamanya. Oleh itu saya berharap tuan-tuan dan puan-puan tidak akan dipengaruhi oleh dakyah-dakyah dan percakapan-percakapan dan tuduhan-tuduhan yang tidak patut dan tidak adil yang bertujuan hendak merosakkan perpaduan di antara rakyat Sabah dan rakyat Malaysia. Dalam masa kita menghadapi konfrantasi rakyat negara kita baik di Sabah, Sarawak ataupun di Malaysia Barat adalah bersatu padu dengan kita dan dibantu oleh tentera sahabat dari Komanwel telah berjaya mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita. Sekarang ini sebab konfrantasi telah tamat maka dapatlah kita menumpukan dengan sepenuh tenaga dalam lapangan kemajuan dalam masa kita menjalankan Rancangan Malaysia Yang Pertama yang bertujuan hendak memberi kemajuan dan kebahagiaan hidup kepada rakyat Malaysia seluruhnya termasuklah rakyat Sabah.

Saya kata tadi kita telah berjaya mencapai kemajuan-kemajuan pada masa yang lampau dan kita patut berbangga dengan kemajuan-kemajuan dan sekarang marilah kita berazam bersungguh-sungguh hendak meneruskan kemajuan-kemajuan yang telah kita capai itu dan Kerajaan Pusat adalah berazam hendak memberi apa juga perlindungan dan bantuan kepada Kerajaan Sabah dan rakyat Sabah untuk mereka itu hendak mencapai kemajuan-kemajuan yang lebih luas lagi pada masa yang akan datang.

Dalam masa tiga tahun daripada tahun 1964 hingga 1966 Kerajaan Pusat telah menguntukkan wang bagi kemajuan negeri Sabah selain daripada perbelanjaan pertahanan lebih kurang \$116 juta. Dalam masa tiga tahun hasil yang didapati dari Sabah adalah lebih kurang \$208 juta tetapi Kerajaan Pusat telah membelanjakan lebih kurang \$324 juta. Oleh itu nyatalah bahawa tiap-tiap tahun lebih kurang \$39 juta Kerajaan Pusat terpaksa mengeluarkan wang untuk perbelanjaan di negeri Sabah dan lagi dalam lapangan kemajuan di negeri Sabah ini perbelanjaan hitung panjang tiap-tiap seorang di Malaysia Barat ialah \$66/- akan tetapi di Sabah ialah \$95/-. Sungguhpun Kerajaan Pusat menghadapi kesukaran-kesukaran tetapi Kerajaan Pusat dengan suka hati dan sedaya upaya telah memberi bantuan kepada Sabah. Kerajaan Pusat sedang menghadapi kekurangan wang akan tetapi dengan seberapa boleh hendak menunaikan tanggungjawabnya untuk menolong rakyat Sabah. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan tentu faham bahawa keterangan-keterangan yang saya beri itu telah menunjukkan yang Kerajaan Pusat mempunyai keazaman yang penuh untuk

bersama-sama menolong rakyat Sabah supaya bersama-sama maju dengan rakyat daerah lain di Malaysia ini.

Dan lagi nyatalah bahawa Kerajaan Pusat telah membelanjakan wang untuk kemajuan Sabah lebih daripada yang telah dijanjikan pada masa Sabah masuk Malaysia. Bagi Rancangan Malaysia Yang Pertama anggaran perbelanjaan bagi kemajuan Sabah ini adalah \$335 juta. Daripada peruntukan ini Kerajaan Pusat akan memberi bantuan sebanyak \$313 juta.

Saya memberi keterangan-keterangan ini dengan tujuan hendak menunjukkan dengan jelasnya bahawa Kerajaan Pusat adalah sentiasa menunaikan janji-janji dan menjalankan tugasnya untuk kemajuan Sabah dalam Malaysia. Kita berkehendak ketiga-tiga belas negeri-negeri di Malaysia ini bersama-sama dengan Kerajaan Pusat dalam menganjurkan kerjasama yang rapat supaya dapat kita binakan satu negara yang lebih maju, lebih aman dan lebih makmur. Untuk mencapai tujuan ini tiap-tiap orang rakyat negara kita ini adalah mempunyai tugas masing-masing.

Saya tahu di tiap-tiap negeri di Malaysia ini penduduk-penduduk negeri itu adalah mempunyai taat setia kepada negeri masing-masing. Di Sabah saya dengar percakapan-percakapan yang mengatakan Sabah untuk penduduk-penduduk Sabah. Perasan yang semacam ini adalah baik akan tetapi penduduk-penduduk sesuatu negeri di Malaysia ini tidak dapat hendak mencapai cita-cita dan hasrat ini dengan sepenuhnya melainkan mereka itu bersatu padu bersama-sama mencapainya cita-cita sebagaimana rakyat Malaysia yang telah diterangkan sebelum ditubuhkan Malaysia bahawa Sabah sebagai negara yang kecil tidak boleh berdiri sendiri dan rakyat di Sabah tidak boleh dapat mencapai cita-cita itu menjadi warganegara yang merdeka dan maju melainkan bersatu dalam Malaysia dengan rakyat di negeri-negeri yang lain di Malaysia. Oleh itu taat setia kita kepada negeri kita hendaklah disambung dan di tambahkan dengan taat setia kita kepada negara kita Malaysia. Hanyalah dengan kita percaya membina satu negara yang kuat, maju dan makmur dapat kita semua rakyat Malaysia daripada berbagai bangsa baik orang-orang Kadazan, Murut, Iban, Dayak, Melayu, China dan lain-lain mencapai cita-cita kita hendak memberi taraf hidup yang sempurna dan memberi tempat yang sempurna bukan sahaja di negara kita bahkan di kalangan bangsa-bangsa yang telah maju di dunia ini.

Kita berkehendakkan semua rakyat Malaysia mempunyai taat setia kepada negara kita. Oleh sebab itu mana-mana pihak yang cuba hendak menarik taat setia dan kepercayaan rakyat Malaysia kepada negaranya adalah menjalankan perbuatan yang menentang kehendak-kehendak Malaysia yang sebenarnya. Di Malaysia Timur pada 23 haribulan ini pada hari besuk akan dilancarkan satu gerakan rakyat taat setia (*good citizens movement*) dengan tujuan hendak menggalakkan dan menguatkan semangat kerjasama dan perhubungan rapat di antara rakyat-rakyat di negeri ini supaya dapat ditanam sebenar-benarnya semangat bersatu padu yang kuat di antara rakyat daripada berbilang bangsa di negara kita ini. Jikalau rakyat di Malaysia Barat yang telah berjaya mencapai kemerdekaan 10 tahun lamanya memikirkan mustahak yang mereka itu menguatkan lagi perpaduan di antara satu dengan yang lain, menguatkan perhubungan rapat di antara satu dengan lain supaya mereka itu menjadi rakyat

sebenar-benarnya taat kepada negara. Pada fikiran saya lebih mustahak lagi bagi tuan-tuan dan puan-puan di Sabah ini untuk mengambil langkah bagi menanamkan semangat yang seperti itu supaya rakyat Sabah bersama-sama dengan rakyat di negeri-negeri lain dalam Malaysia dapat mengambil peranan yang sempurna sebagai warganegara kita yang merdeka dan berdaulat ini.

Oleh yang demikian, saya menyerulah kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya menguatkan perhubungan baik di antara satu dengan lain, menguatkan semangat dan perasaan bersatu padu dan bersama-sama menjalankan tugas dan berdiri teguh di belakang Kerajaan untuk mencapai kemajuan-kemajuan yang lebih besar dan lebih luas. Negara kita berdasarkan demokrasi, rakyat mempunyai kuasa yang penuh tetapi marilah kita gunakan kuasa yang ada pada tangan kita dan kebebasan demokrasi yang ada pada kita itu untuk kepentingan rakyat dan kemajuan negara kita. Marilah kita jauhkan perbuatan-perbuatan yang boleh membawa perselisihan faham dan pecah belah di antara satu dengan lain kerana perkara-perkara itu hanya boleh mengecewakan kita sendiri dan akan menahan dan melambatkan kemajuan-kemajuan yang kita berusaha hendak cari itu. Sekianlah sahaja saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan selamat maju jaya.